

22/05/1997

19 syarikat bermasalah di Indonesia

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekurang-kurangnya 19 syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor perladangan khususnya penanaman kelapa sawit di Indonesia mengalami masalah berikutan kerajaan republik itu membekukan sementara pelaburan asing sektor berkenaan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata syarikat terbabit sudah menghabiskan banyak masa dan wang dalam proses menyempurnakan 13 peringkat prosedur sebelum memperoleh kelulusan membersihkan kawasan tanaman.

Katanya, maklumat mengenai masalah itu akan diajukan kepada Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu ini atau minggu depan.

"Saya sudah memaklumkan perkara ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet. Keputusannya ialah perkara ini diserahkan kepada Pemangku Perdana Menteri untuk dibincangkan di peringkat tertinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pemilik Ladang Antarabangsa 1997 di sini, hari ini.

Kerajaan Indonesia menguatkuasakan pembekuan itu pada November tahun lalu tetapi difahamkan hanya dimaklumkan kepada peringkat atas saja. Ia antara lain untuk memperkukuhkan dasar dan pelaburan tempatan dalam negara itu.

Daripada empat juta hektar ladang kelapa sawit yang dibuka, mereka mendakwa dua pertiga dimiliki pelabur asing terutama dari Malaysia. Keadaan itu memerlukan Kerajaan Indonesia menseimbangkan pelaburan tempatannya.

Setakat ini, 34 syarikat perladangan utama Malaysia termasuk milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) melabur di sektor perladangan yang kebanyakan tertumpu di Sumatera. Kebanyakan pelaburan di sektor itu membabitkan kawasan 4,000 hektar.

"Sehubungan itu, kepada pelabur yang terbabit dalam masalah ini diminta tampil kepada kementerian," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menasihatkan pelabur tempatan supaya lebih berhati-hati ketika melabur di negara asing dengan mencari rakan kongsi asing yang tulen, pegawai perundangan berpengetahuan dan mengetahui pelbagai latar belakang ekonomi, politik serta sosial sebelum melabur di sesebuah negara.

"Ini kerana pelaburan di luar negara bukan kerja mudah kerana kita terpaksa berurusan dengan set perundangan perniagaan dan peraturan yang berbeza malah mungkin asing sama sekali," katanya.

Beliau turut menegaskan, kehadiran pelabur Malaysia di negara membangun di rantau Asia Pasifik, Amerika Latin dan Afrika bukan sebagai penjajah tetapi menjadi rakan kongsi mereka.

(END)